

08/01/1997

Proton: Jasa semua dikenang

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini menjelaskan, jasa semua pihak yang membantu menjayakan projek kereta nasional, Proton, sejak awal penubuhannya, tidak pernah dilupakan.

Merujuk kepada rencana sebuah akhbar Ahad lalu, Timbalan Perdana Menteri berkata, ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di majlis pelancaran kereta Proton kesejuta baru-baru ini, turut memberi penghargaan kepada semua yang berjasa kepada Proton.

"Pengerusi Eksekutif DRB-Hicom, Tan Sri Yahaya Ahmad, juga mengundang semua bekas lembaga pengarah, pekerja lama dan baru. Oleh itu, untuk menyinggung seolah-olah tidak diberikan pengiktirafan dan penghormatan kepada yang lain, tidak juga tepat.

"Saya rasa wajar memberikan penjelasan ini kerana saya anggap rencana itu kurang tepat," katanya selepas merasmikan Hari Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini, hari ini.

Beliau mengulas rencana bertajuk Proton must be grateful to pioneers (Proton mesti berterima kasih kepada perintis) tulisan Pengarang Kumpulan New Straits Times (NST), Datuk A Kadir Jasin dalam ruangnya, Other Thots Ahad lalu.

Selain menyindir Yahaya, Kadir juga mengungkit cerita lama kerajaan 2M (Mahathir-Musa) dan menyifatkan pergaduhan di antara Perdana Menteri dan Tan Sri Musa Hitam berpunca daripada projek kereta nasional.

Menurut Anwar, langkah Yahaya memberi penghormatan khusus kepada Perdana Menteri atas jasa beliau merintis projek kereta nasional amat tepat sekali. "Tiada siapa boleh mempertikaikan kelahiran Proton adalah hasil idea Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri yang memberikan perhatian yang konsisten terhadap perkembangannya.

"Lebih daripada itu, Dr Mahathir adalah pendorong yang meneliti perkembangan projek itu secara terperinci, dari sudut reka bentuk, aksesori dan pemasarannya. Model kereta nasional dibawa dari pejabat ke rumahnya," tegas Anwar.

Katanya, Perdana Menteri juga mengarah jemaah menteri menjadi contoh dengan membeli Proton supaya menambah keyakinan kerana ketika itu banyak yang mempertikaikan kemampuannya.

"Tidak dapat dinafikan tanpa kesungguhan Perdana Menteri projek Proton tidak mungkin mencapai kejayaan sebagaimana yang kita capai hari ini. Bukan sekadar idea, tetapi sokongan dan pembabitan langsung secara tegas dan keras oleh Perdana Menteri sendiri menyumbang kepada kejayaannya. Jadi kita mesti hadapi kenyataan ini," katanya.

(END)